

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH: 21 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (SDFC) untuk melahirkan modal insan berkemahiran dan berapakah jumlah perintis yang telah berjaya dilahirkan.

PR-1353-L03738

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mempunyai peranan bagi menyokong dan membantu negara di dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir melalui pinjaman latihan kemahiran (PLK) kepada pelatih yang berkelayakan.
2. PTPK telah memperuntukkan sebanyak RM1.61 bilion untuk memberikan Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) di bawah Program Dana Latihan Berterusan kepada 113,592 orang pelatih di sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) (tahun 2011 hingga 2015).
3. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) pula, PTPK telah meluluskan sebanyak RM219.96 juta untuk memberikan PLK di bawah Program Dana Pinjaman TVET kepada 16,949 orang pelatih pada tahun 2016 dan sebanyak RM197.38 juta kepada 15,500 orang pelatih sehingga Ogos 2017.